

# UMS CADANG WUJUDKAN SEBUAH PUSAT AUTISME DI KOTA KINABALU

January 20, 2020

00 1



KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) bercadang untuk menubuhkan sebuah pusat autisme di sini dalam usaha membantu keperluan dan pendidikan golongan itu di negeri ini, kata Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin.

Beliau berkata sebelum ini UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah menubuhkan pusat itu yang dilihat dapat membantu golongan kanak-kanak autisme di Labuan dengan pelbagai kemudahan yang disediakan.

"Sebagai sebuah gedung ilmu, kita kena prihatin dengan keperluan masyarakat sekeliling. Penubuhan pusat autisme Labuan telah memberi kesan yang mendalam kepada ibu bapa kanak-kanak berkenaan," katanya selepas mengadakan perjumpaan bersama kakitangan UMSKAL, baru-baru ini.

Taufiq juga mahu penterjemah di universiti itu menghasilkan lebih banyak bahan penerbitan dan penyelidikan yang terbaik agar dapat dikongsi dengan pihak lain sekali gus membantu memperkenalkan UMS ke peringkat yang lebih tinggi.

Katanya ahli akademik juga perlu menjalin hubungan yang baik dengan universiti antarabangsa termasuk menghadiri persidangan mahupun seminar yang dianjurkan oleh universiti yang terlibat.

Dalam pada itu, pihak UMS juga berusaha untuk menambah baik dan menarik tawar beberapa kemudahan termasuk lif bagi kemudahan kakitangan dan pelawat universiti itu.